

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR:HARIAN METRO

TARIKH:3 OGOS 2017

MUKA SURAT:46

Tandas berwarna ceria dapat pujian

Chukai: Dicat dengan warna ceria, tandas awam di kawasan tapak pasar tani dan pasar minggu di Taman Bandar Chukai bersebelahan Padang Astaka, di sini, mendapat pujian orang ramai selain tahap kebersihannya yang terjaga.

Tandas yang dicat dengan warna merah dan biru di depannya, hijau di bahagian lelaki dan kuning untuk wanita di sebelah kanannya menjadikannya amat menarik, tidak seperti tandas awam lain.

Pelajar Kolej Vokasional Kemaman Muhammad Nabil Hakim Ab Mubin, 16, berkata, keceriaan yang ditampilkan di tandas awam itu amat menarik dan sekali pandang seolah-olah ia bukan sebuah tandas.

"Pada mulanya saya sangka ia kiosk makanan segera atau tempat kutipan hasil Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), tetapi selepas

didekati barulah perasan ia adalah tandas awam.

"Reka bentuk premis berkenaan juga agak berlainan berbanding tandas awam yang pernah digunakan sebelum ini dan paling penting tahap kebersihannya juga amat terjaga.

"Perbezaan cat antara tandas untuk kegunaan lelaki dan wanita yang menarik juga lebih memudahkan orang ramai untuk menggunakan

tandas terbabit," katanya.

Dia difahamkan sudah dua tahun tandas itu beroperasi untuk memberi kemudahan di kawasan berkenaan, tetapi ia baru lagi ia diceriakan dengan warna baru.

Sementara itu, jurucakap MPK berkata, tandas awam berkenaan sudah mula digunakan sejak dua tahun la-

lu dan di bina di kawasan itu bagi kemudahan orang ramai kerana di sekitar juga turut dijadikan tapak Pekan Budaya Daerah Kemaman.

Menurutnya, MPK, baru mengecat tandas berkenaan untuk menceriakan lagi serta memberi keselesaan kepada orang ramai menggunakannya.

TANDAS awam Taman Bandar Chukai yang dicat dengan warna ceria.

